

SPESIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED KANGKUNG

Standard FAMA : FS018 – 2001

1. SKOP

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah untuk Kangkung atau nama botaninya *Ipomea reptans* yang dipasarkan.

2. DEFINASI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud :

- 2.1 *Varieti yang sama* - Mempunyai ciri yang sama dari segi rupa bentuk dan warna di dalam satu-satu lot.
- 2.2 *Perapian* – Membuang daun dan cabang yang berwarna kekuning-kuningan, reput, kering dan rosak yang paling hampir dengan akar yang menjejaskan keseluruhan rupa.
- 2.3 *Segar* - Kangkung mempunyai batang yang berbentuk lurus, berdaun tegak berwarna hijau tua dan tidak layu atau kecut.
- 2.4 *Kotor* - Kangkung yang terdapat kesan-kesan bendasing yang tidak dibersihkan iaitu tanah, sarang serangga, daun mati, rumput, sisa racun perosak dan lain-lain bahan asing.
- 2.5 *Kecacatan* – Kangkung yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan keseluruhan rupa iaitu kotor, cacat dan cacat rupa.
 - 2.5.1 *Cacat* - Kangkung yang bentuknya tidak normal atau sempurna bengkok serta bercabang-cabang.
 - 2.5.2 *Cacat Rupa* - Kangkung yang mempunyai tanda-tanda yang mencacatkan rupa luaran seperti berbintik, karat, nyahwarna luar biasa dan kesan parut yang tidak boleh dibersihkan. Kesan ini meliputi lebih 10% keseluruhan rupa.
- 2.6 *Rosak* - Sebarang kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh kerosakan semula jadi, serangga perosak, penyakit dan kecederaan mekanikal pengendalian yang akan menjejaskan jangkahayat, keseluruhan rupa, pemakanan dan kualiti .

3. KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1 Agak bebas daripada rosak disebabkan kecederaan mekanikal dan fisiologi, serangga, penyakit dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.

- 3.2 Telah mencapai peringkat kematangan seperti yang dikehendaki oleh pasaran.
- 3.3 Kangkung yang telah dibuat perapian (trimming) minimum.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1 Kangkung dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran (Maksimum)
Premium	Kangkung dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan mempunyai bentuk batang dan daun yang baik. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 5\%$ Keseragaman saiz $\leq 5\%$
1	Kangkung dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan mempunyai bentuk batang dan daun yang baik. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 10\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$
2	Kangkung dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan mempunyai bentuk batang dan daun yang baik. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar $\leq 10\%$ Rosak $\leq 10\%$ Kecacatan $\leq 10\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$

- 4.2 Bagi Kangkung, saiz ditentukan oleh panjang dalam unit sentimeter (cm) sepertimana jadual berikut:-

Saiz	Kod	Panjang (cm)
Besar	L	> 55
Sedang	M	40 - 55
Kecil	S	< 40

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1 Pembungkusan

- 5.1.1 Kangkung daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.1 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2 Pelabelan.

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1 Tarikh:
- 5.2.2 Nama/Kod Penanam
- 5.2.3 Nama/Kod pengeksport
- 5.2.4 No. Kad Pengenalan
- 5.2.5 No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat bersih
- 5.2.9 Gred

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 “Method of Sampling For Fresh Vegetables”, atau kaedah statistik yang dipersetujui.